

04 APR 1997

KUMPULAN PEMODAL NAK KEMUKAKAN PERAKUAN KPD MENTERI KEWANGAN APEC

CEBU CITY, 4 April (Bernama) -- Kumpulan Pemodal-pemodal APEC (AFG), sebuah kumpulan penasihat terdiri daripada pemodal-pemodal utama daripada ekonomi-ekonomi kumpulan 18 anggota itu, akan mengemukakan perakuan mereka kepada para menteri kewangan APEC di sini, esok.

Perakuan itu akan membabitkan empat bidang kerja berkaitan dengan pembiayaan prasarana, sistem kewangan dan pembangunan modal pasaran, aliran lebih bebas modal dan penyebaran data, kata pegawai-pegawai APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik).

AFG, yang bertemu di Bali pada 1995 dan di Tokyo tahun lepas, juga akan mengadakan dialog dengan menteri-menteri kewangan APEC di sini. Malaysia akan diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC akan dirasmikan oleh Presiden Filipina Fidel Ramos.

Para menteri itu, yang bertemu di Honolulu pada 1994, Bali pada 1995 dan Kyoto tahun lepas, juga dijangka akan membincang persoalan-persoalan makroekonomi semasa dan dasar-dasar untuk menyokong aliran modal yang lebih bebas, mempermudah penyertaan sektor swasta dalam pembangunan prasarana dan menggalakkan pembangunan pasaran kewangan dan modal.

Para menteri juga akan bersetuju mengenai daya usaha bersama dalam bidang-bidang tersebut sebagai menyahut seruan pemimpin-pemimpin ekonomi APEC supaya diambil langkah-langkah kukuh untuk mencapai matlamat tersebut.

Sidang kemuncak pemimpin-pemimpin ekonomi APEC di Teluk Subic dekat Manila tahun lepas, yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengistiharkan bahawa kekurangan prasarana boleh mengendalakan pertumbuhan mapan.

Mereka mengulas bahawa memandangkan pembiayaan awam tidak boleh memenuhi sepenuhnya keperluan besar rantau ini, pelaburan sektor swasta mesti digemblangkan.

Mereka juga berkata bahawa dengan mengadakan pembiayaan sewajarnya, persekitaran ekonomi, komersil dan pengawal seliaan akan menjadi anak kunci untuk merangsang pelaburan sedemikian.

Persoalan mengenai aliran modal telah dikaji oleh menteri-menteri kewangan untuk sekian lamanya dan terdapat kata sepakat bahawa langkah-langkah harus diambil untuk memperbaiki mutu pengaliran modal, dan itu bermakna menggalakkan modal yang menggerakkan pulangan ekonomi sebenar seperti pelaburan langsung dan pemegang portfolio.

Para menteri kewangan juga telah, pada masa lalu, mengamati bahawa pembangunan pasaran modal adalah penting untuk melicinkan aliran modal dan untuk menggerakkan dana domestik secukupnya bagi mengurangkan terlalu bergantung kepada aliran modal.

Dengan itu, para pegawai APEC berkata adalah penting bagi 18 ekonomi berkenaan untuk memajukan prasarana mereka untuk pasaran-pasaran modal yang lebih luas dan mendalam yang termasuk pembangunan sumber manusia untuk institusi-institusi yang menyokong pasaran kewangan.

APEC terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

SHY SIA